

TARIKH	01 / 09 / 2016	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	10	RUANGAN	



SEBAHAGIAN daripada petugas Lembaga Tabung Haji menyanyikan lagu *Jalur Gemilang* ketika sambutan Hari Kebangsaan 2016 di Ibu pejabat Lembaga Tabung Haji, Mekah, semalam.

Jemaah haji sambut Hari Kebangsaan

MEKAH 31 Ogos - Sempena Hari Kebangsaan Malaysia Ke-59, jemaah haji di bawah Program Khas Haji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 2016 (PKHYABPM 2016) menunaikan solat hajat dan doa selamat memohon kemakmuran dan keselamatan negara.

Bacaan surah yasin juga diadakan selepas solat isyak malam tadi di maktab-maktab penginapan jemaah haji tersebut atas usaha Urusetia PKHYABPM 2016. Maktab tersebut adalah Maktab 86 Abraj Al-Janadriyah, Maktab 90 Raudhat Al-Shorouq dan Maktab 88 Land Premium yang menempatkan lebih 1,100 jemaah haji tajaan PKHYABPM 2016.

Ketua Urusetia PKHYABPM 2016, Saiful Azhar Shahrudin berkata, majlis doa selamat itu sebagai manifestasi kecintaan rakyat Malaysia terhadap negara dan harapan mereka agar

**Program Khas
Haji Perdana
Menteri**



**GAMAL NASIR
MOHD ALI**
(Wartawan)



**ABDUL KADIR
BACHOK**
(Junagunbar)

Melaporkan dari MEKAH, ARAB SAUDI .

keamanan dan kemajuan negara berterusan dan berkekalan. Di Maktab 90 Ruadhat Al-Shorouq, bacaan doa selamat dipimpin oleh Imam Besar Negeri Sarawak, Datuk Jogi Suhaili yang juga jemaah haji PKHYABPM 2016.

Di maktab tersebut yang menempatkan hampir 1,200 orang

termasuk 442 jemaah PKHY-ABPM 2016 turut diadakan sambutan Hari Kebangsaan hari ini. Majlis dimulakan dengan ucapan Ketua Urusetia PKHYABPM 2016, Saiful Azhar Shahrudin yang menyeru agar para jemaah mendoakan kesejahteraan dan kemakmuran negara di bawah kepimpinan sedia ada.

Beliau turut menyeru agar para jemaah dapat mengekalkan keharmonian serta memastikan syiar Islam terus disebarkan di Malaysia. Majlis ringkas tersebut diteruskan dengan nyanyian lagu *Negeraku* dan *Ilallah Barisan Kita* oleh para jemaah dan disudahi dengan bacaan doa.

Dalam pada itu seorang jemaah haji, Nasrul Haldin Jamaluddin, 36, melahirkan rasa bertuah kerana dapat menyambut Hari Kebangsaan tahun ini di tanah suci bersama warga Malaysia yang lain.